

Insurans Kebakaran Jangka Panjang

Pelan perlindungan perumahan penjawat awam



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). | Ahli PIDM

Lindungi kediaman anda untuk orang yang tersayang

Insurans Kebakaran Jangka Panjang Etiqa ialah pelan yang melindungi rumah anda sekiranya berlaku kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, letupan, banjir dan banyak lagi.

Manfaat Utama

Melindungi kerugian atau kerosakan rumah seperti di bawah:

Jenis Manfaat	Pakej Asas	Pakej Komprehensif
Kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik	Dilindungi	Dilindungi
Pesawat udara dan/atau peranti udara yang gugur daripadanya	Dilindungi	Dilindungi
Hentaman oleh sebarang kenderaan atau haiwan	Dilindungi	Dilindungi
Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip	Dilindungi	Dilindungi
Kecurian dengan pemecahan menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam dan keluar dari rumah	Dilindungi	Dilindungi
Ribut, puting beliung dan angin taufan	Dilindungi	Dilindungi
Gempa bumi atau letusan gunung berapi	Dilindungi	Dilindungi
Banjir	Dilindungi	Dilindungi
Penenggelaman dan gelinciran tanah	Tidak dilindungi	Dilindungi
Kerosakan oleh pokok tumbang atau dahan atau objek daripadanya	Tidak dilindungi	Dilindungi

Nota:

- 1) Tempoh insurans adalah berdasarkan tempoh pinjaman perumahan seperti yang dipersetujui antara anda dan pemberi pinjaman perumahan anda, contoh: Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Etiqa Unit Perniagaan Kerajaan.
- 2) Pakej manfaat baharu adalah tersedia bagi kelulusan pinjaman bermula daripada 9 Mei 2025 di bawah LPPSA.

Insurans Kebakaran Jangka Panjang | Pengeculian Utama

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a. Pembakaran harta benda atas perintah pihak berkuasa;
- b. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perang atau risiko seumpamanya;
- c. Kerosakan disebabkan oleh keganasan;
- d. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

Nota:

Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Insurans Kebakaran Jangka Panjang | Nota Penting

Sila pastikan jumlah diinsuranskan untuk sesebuah bangunan mengikut kadar nilai semasa supaya anda mendapat jumlah yang sepatutnya sekiranya anda perlu membuat tuntutan kelak.

Tempoh penangguhan selama 60 hari akan diberikan dari tarikh perlindungan berkuat kuasa untuk pembayaran premium.

Risalah ini bertujuan untuk rujukan sahaja dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak.

Etiqa General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Semua premium, caj dan fi lain-lain (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran premium.

Etiqa Oneline 1300 13 8888
www.etiqa.com.my



Etiqa General Insurance Berhad (197001000276)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888

F +603 2297 3800

E info@etiqua.com.my

Hubungi kami di

   Etiqa  myetiqua